

UMS intai final Migazat Dukug Jborneo

UIN 25/11/11 A14

KOTA KINABALU: Pasukan KSP Universiti Malaysia Sabah (UMS) yakin kehadirannya akan dirasai dengan mensasarkan tempat ke perlawanan akhir Cabaran Migazat Dukug di JBorneo Native Village 2011 awal bulan depan.

Jurulatihnya, Samad Lawi menyatakan keyakinannya itu berdasarkan usaha gigih penariknya dalam latihan sejak pasukan itu ditubuhkan pada Mei lalu.

Katanya, pasukan itu dibarisi penarik dari kalangan kakitangan perpustakaan dan pengawal keselamatan UMS.

“Banyak pasukan handal menyertai cabaran itu dan kami harap dapat memberi tentangan sengit. Kami telah menjalani latihan secara konsisten dan berharap akan berada di kemuncak menjelang pertandingan itu.

“Ia hebat kalau kami berjaya mara ke perlawanan akhir,” kata Samad sambil memberitahu bahawa Ketua Perpustakaan, Dayang Rukiah Ag Amit merupakan patron pasukan itu.

Penariknya pula terdiri dari Abdullah Sabudin, Brandon Inggam Estrop, Patrick Benson, Lajim Ag Jalil, Fredolin Yaris, Mohd Zaidi, Asrul Effendi, Datu Zulfikar, Mohd Noorhaqqi dan Rudiman Juri.

UMS dijangka merupakan antara 20 pasukan yang akan mengambil bahagian pada cabaran yang julung kali dianjurkan JBorneo Native Village tersebut.

Sebelum ini, JBorneo Native Village yang terletak bersebelahan dengan Taman Hidupan Liar Lok Kawi terkenalkan dengan anjuran Cabaran Tuhun Tavakas (Orang Kuat) dan dart.



SEDIA...Samad (kiri) bersama barisan penariknya yang akan membawa cabaran KSP UMS pada Cabaran Migazat Dukug JBorneo awal bulan depan.